

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
(DUNGUN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi membela kebajikan bekas-bekas tentera yang berdaftar dengan Persatuan Veteran ATM dan yang tidak berdaftar dengan persatuan.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan kebajikan kepada veteran ATM tanpa mengira sama ada veteran berkenaan menjadi ahli persatuan veteran ATM atau tidak. Skim-skim bantuan yang disediakan adalah meliputi:

- a) **Bantuan Sara Hidup**, iaitu bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada veteran ATM bagi meringankan beban sara hidup veteran dan tanggungan yang uzur, daif, hilang upaya ataupun hilang mata pencarian berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Kadar bantuan yang diberikan kepada Veteran ATM adalah sebanyak RM300 sebulan.
- b) **Bantuan Persekolahan / Kolej Vokasional Kebangsaan (KVK)**, yang diberikan kepada veteran ATM yang kurang mampu untuk membiayai pelajaran anak-anak sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun di sekolah menengah berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Kadar bantuan adalah sebanyak RM500 setahun bagi sekolah rendah

dan RM700 setahun bagi sekolah menengah dan kolej vokasional kebangsaan.

- c) **Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Awam dan Swasta/ Politeknik**, iaitu bantuan kewangan berbentuk pemberian secara *one-off* kepada anak-anak veteran ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat diploma ataupun ijazah pertama mengikut kelayakan. Malah pada masa ini, pihak Kementerian telah memperluaskan bantuan berkenaan kepada kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih. Kadar bantuan yang disediakan adalah RM1,000 untuk pengajian peringkat diploma dan RM1,500 bagi pengajian peringkat ijazah pertama.
- d) **Bantuan Perubatan**, bantuan ini meliputi tuntutan bayaran ubat-ubatan, rawatan dan perjalanan ke hospital kerajaan, Institut Jantung Negara, pusat rawatan dialisis serta rawatan di hospital swasta bagi kes-kes kecemasan.
- e) **Bantuan Peralatan Pesakit**, bantuan ini adalah berbentuk peralatan sokongan seperti kerusi roda, katil hospital dan sebagainya kepada veteran ATM, balu dan tanggungan yang memerlukan. Kadar bantuan maksimum bagi bantuan ini adalah RM5,000.
- f) **Bantuan Bencana Alam**, bantuan ini diberikan kepada veteran ATM yang mengalami kerosakan pada struktur rumah milik sendiri akibat bencana alam seperti banjir, kebakaran, ribut, tanah runtuh dan lain-lain. Sebagai makluman, bagi kadar bantuan ini, pihak Kementerian pada masa ini telah bersetuju untuk meningkatkan jumlah bantuan maksimum daripada RM5,000 (sebelum ini) kepada RM10,000.
- g) **Bantuan Pengurusan Jenazah**, ianya merupakan bantuan kewangan bagi menguruskan jenazah kepada waris apabila veteran ATM, pasangan dan anak yang meninggal dunia. Kadar bantuan adalah RM3,000 kematian veteran ATM dan RM1,500 kematian pasangan dan anak veteran.

Bantuan kebajikan veteran ATM juga disalurkan melalui persatuan-persatuan veteran ATM. Pada tahun 2019, Kerajaan telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM500,500 kepada persatuan veteran ATM yang berdaftar dengan JHEV ATM. Di samping itu juga hasil kutipan jalanan semasa Kempen Tabung Pahlawan 2019 juga telah diagihkan kepada persatuan veteran ATM melibatkan jumlah sebanyak RM5.35 juta.

Sehubungan itu, veteran ATM adalah digalakkan untuk menjadi ahli persatuan-persatuan veteran ATM yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka bagi mendapat maklumat terkini berhubung bantuan-bantuan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan dan Yayasan Veteran ATM.

Pada tahun 2020, JHEV ATM juga telah membuat bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Prihatin sebanyak RM500 kepada Veteran ATM Berpencen dan Tidak Berpencen dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM95.97 juta.

Bagi meringankan kewangan veteran ATM menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, JHEV ATM telah membuat bayaran bantuan khas kewangan Aidilfitri 2020 sebanyak RM250 kepada veteran ATM dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM32 juta.

Terima kasih.